

PENYAKIT ANJING GILA (RABIES)

Rabies adalah jangkitan virus akut. Rabies terdapat dalam haiwan di kebanyakan negara di seluruh dunia. Kebanyakan kes jangkitan manusia berlaku di negara-negara membangun.

Agen penyebab: Virus rabies, sejenis rabdovirus dari genus **Lyssavirus**

Cara jangkitan: Virus rabies terdapat dalam air liur haiwan dan boleh di jangkiti melalui gigitan atau sebarang kejadian yang menembusi kulit seperti jilatan haiwan di tempat luka.

Apakah itu Rabies?

Penyakit **sistem saraf** yang disebabkan oleh **jangkitan virus**.



Apakah tindakan yang perlu dibuat jika anda digigit?

Segera cuci bahagian tubuh yang digigit dengan sabun dan air bagi menghilangkan kesan air liur.

- Segera dapatkan rawatan luka di klinik kesihatan / hospital yang berhampiran.
- Patuhi arahan doktor, sekiranya diperlukan suntikan vaksin anti-Rabies mengikut jadual suntikan.



Tanda & Gejala Rabies

Pesakit hanya menunjukkan tanda-tanda 20-60 hari selepas gigitan haiwan.

- Demam.
- Sakit dan lenguh pada tempat gigitan.
- Kelesuan otot badan.
- Sakit kepala.



Gejala berlaku apabila virus telah menyerang sistem saraf pusat.

- Keresahan dan kegelisahan.
- Perubahan sikap secara tiba-tiba.
- Kekeliruan.
- Ketakutan terhadap air.
- Kesukaran menelan.
- Imsonia.
- Lumpuh.



Pencegahan jangkitan Rabies

- Pastikan anjing peliharaan anda diberi suntikan pencegahan vaksin anti-Rabies.
- Tidak digalakkan untuk memberi makanan kepada haiwan liar.
- Pastikan bekas sampah ditutup sepenuhnya. Bekas sampah terbuka akan menarik perhatian haiwan liar.
- Jangan mendekati haiwan liar untuk mengurangkan risiko digigit.

Diterbitkan Oleh
**Bahagian Pendidikan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia**





APAKAH TINDAKAN YANG PERLU DIBUAT JIKA ANDA DIGIGIT?

SEGERA CUCI BAHAGIAN TUBUH YANG DIGIGIT DENGAN SABUN DAN AIR BAGI MENGHILANGKAN KESAN AIR LIUR

- Segera dapatkan rawatan luka di klinik kesihatan / hospital berhampiran.
- Patuhi arahan doktor, sekiranya diperlukan suntikan vaksin anti-rabies mengikut jadual suntikan.



PENCEGAHAN JANGKITAN RABIES

- Pastikan anjing peliharaan anda diberi suntikan pencegahan vaksin anti-Rabies.
- Tidak digalakkan untuk memberi makanan kepada haiwan liar.
- Pastikan bekas sampah ditutup sepenuhnya. Bekas sampah terbuka akan menarik perhatian haiwan liar.
- Jangan mendekati haiwan liar untuk mengurangkan risiko digigit.



Rawatan

Rawatan selepas terkena gigitan bertujuan untuk mengelakkan jangkitan rabies. Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja. Selepas itu, sapukan cecair anti-septik, contoh : etanol (70%) atau tinktur atau larutan iodine akueus atau iodine povidon.

Rawatan khusus

Anti-rabies Immunoglobulin (RIG) disapukan pada tempat luka dan tisu di sekitarnya. Beberapa dos vaksin disuntik ke dalam kulit atau ke dalam otot (bergantung kepada jenis vaksin yang digunakan). Dos pertama mesti diberikan seawal mungkin selepas terkena gigitan dan dos terakhir dalam tempoh 28 hari sekiranya disuntik ke dalam otot atau 90 hari sekiranya disuntik ke dalam kulit.

Rawatan

Rawatan selepas terkena gigitan bertujuan untuk mengelakkan jangkitan rabies. Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja. Selepas itu, sapukan cecair anti-septik, contoh : etanol (70%) atau tinktur atau larutan iodine akueus atau iodine povidone.

Rawatan khusus

Anti-rabies Immunoglobulin (RIG) disapukan pada tempat luka dan tisu di sekitarnya. Beberapa dos vaksin disuntik ke dalam kulit atau ke dalam otot (bergantung kepada jenis vaksin yang digunakan). Dos pertama mesti diberikan seawal mungkin selepas terkena gigitan dan dos terakhir dalam tempoh 28 hari sekiranya disuntik ke dalam otot atau 90 hari sekiranya disuntik ke dalam kulit.